

# 27 karya koleksi catan landskap, alam dipamerkan

## Orang ramai dijemput hadir ke Pameran Khas Karya Seni Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah

UB 23.11.2024 P.06

**KOTA KINABALU:** Orang ramai dijemput hadir ke Pameran Khas Karya Seni Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Juhar Mahiruddin yang sedang berlangsung sehingga 12 Disember ini.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor berkata 27 karya koleksi catan landskap dan alam semula jadi karya TYT dipaparkan di ruang pameran Kalimaran, Galeri Azman Hashim (GAH-UMS).

“Melalui pameran ini kita dapat melihat kecintaan dan minat TYT yang tidak berbelah bahagi terhadap perkembangan seni dan budaya di negeri ini.

“Kita dapat melihat bagaimana seni dapat men-

jadi medium untuk menyampaikannya yang mendalam, memperkukuhkan hubungan antara rakyat, serta menyatukan kita dalam semangat kebersamaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Pameran Khas Karya Seni Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sabah Tahun 2024, pada Khamis.

Perasmian majlis tersebut disempurnakan oleh Juhar yang diiringi isteri, Toh Puan Norlidah R.M Jasni.

Menurut Kasim, selain pameran hasil karya TYT, turut berlangsung Pameran Koleksi Tan Sri Azman Hashim di ruang pameran Lepa dan Pameran Rebung 2.0 Bakat Muda universiti di ruang pameran Kaamatan.

“Sepanjang 2024, seban-

yak 12 pameran diadakan di GAH-UMS yang merupakan salah satu bangunan ikonik di Sabah dan menjadi antara destinasi tumpuan pelancong dalam dan luar negara untuk berkunjung ke UMS.

“Galeri ini turut dianugerahi ‘Silver Award’ bagi pelaksanaan Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA) yang merupakan inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) untuk meningkatkan perkhidmatan dan kualiti kemudahan bagi produk pelancongan di Malaysia.

“Pelaksanaan program MyTQA ini bertujuan meningkatkan keyakinan pelancong dan memastikan kualiti produk sentiasa di tahap terbaik bagi memenuhi kehendak pelancong domestik

dan antarabangsa.

“Ia merupakan satu pengiktirafan kepada produk pelancongan dan memberi pendedahan kepada penggiat industri supaya lebih mengutamakan mutu perkhidmatan disediakan,” jelasnya.

Tambah beliau, GAH-UMS bukan sahaja menjadi pusat sehenti pameran, promosi dan jualan produk seni bagi perkembangan ilmu dan pelancongan tetapi turut menyediakan ruang kepada artis dan pengkarya seni dan organisasi.

“Konsep galeri bukan sahaja mempamerkan karya visual tetapi galeri membuka ruang untuk seni persembahan dan pendidikan seperti seminar, bengkel seni, seni kraf tempatan dan lain-lain,” ujarnya. — Penerangan



JABATAN PENERANGAN  
MALAYSIA

**MENARIK:** Juhar (dua) diiringi Kasim melihat hasil karya beliau yang dipamerkan selepas majlis perasmian.